

# PM gesa tindakan bersama henti pencerobohan Zionis

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan perlunya tindakan bersama yang lebih tegas bagi menamatkan pencerobohan Israel, mempertahankan kedaulatan negara Arab-Islam serta menjamin hak rakyat Palestin.

Menerusi hantaran Facebook, semalam, beliau berkata, perkara itu dinyatakan semasa pertemuan ringkas dengan beberapa pemimpin di luar Sidang Kemuncak Luar Biasa Arab-Islam di Doha, Qatar semalam.

Pemimpin berkenaan ialah

Putera Mahkota merangkap Perdana Menteri Arab Saudi, Mohammed bin Salman; Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan, Raja Jordan Raja Abdullah II Al Hussein; Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif dan Putera Mahkota Kuwait, Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah.

“Kami menekankan sokongan penuh terhadap Qatar yang menjadi mangsa serangan rakus dan biadab rejim Zionis Israel, di samping memperkuh kesepakatan untuk membela Palestin,” katanya.

Anwar menghadiri Sidang Kemuncak Tergempar Arab-Islam atas jemputan Emir Qatar Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, susulan serangan Israel terhadap Doha pada 9 September lalu.

Serangan di kawasan Leqtai-fiya itu membabitkan kira-kira 15 jet pejuang Zionis, mengorbankan enam orang termasuk anak pemimpin kanan Hamas Khalil al-Hayya, pengarah pejabatnya serta seorang pegawai keselamatan Qatar, manakala pemimpin utama Hamas dilaporkan terselamat. BERNAMA